**AKHBAR : BERITA HARIAN**
**MUKA SURAT : 19**
**RUANGAN : NASIONAL**

# 190 kematian demam denggi seluruh negara

*» Selangor tertinggi catat 48,000 kes, 71 kematian*

**Oleh Suhaila Shahrul Annuar**
**Putrajaya**

Demam denggi sudah merekodkan 190 kematian daripada 98,383 kes, yang dilaporkan berlaku di seluruh negara sejak Januari tahun ini sehingga Isnin lalu.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr S Subramaniam, berkata daripada jumlah itu, Selangor mencatat jumlah kes tertinggi iaitu kira-kira 48,000 kes atau 50 peratus daripada keseluruhan kes.

"Selangor turut mencatatkan 71 kes kematian atau 37 peratus, yang tertinggi berbanding negeri lain. Berikutan itu, kementerian akan meningkatkan kerjasama dengan Kerajaan Selangor dalam usaha memerangi wabak ini.

**MB sedia beri kerjasama**

"Menteri Besar Selangor, Mohamed Azmin Ali, menyatakan kesediaan bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan bagi memerangi wabak denggi di negeri itu.

"Dalam perbincangan kelmarin, Kementerian Kesihatan meminta pihak berkuasa tempatan (PBT) di negeri itu mengamal serta meningkatkan kecekapan pengurusan sisa pepejal, mengukuhkan unit kawalan penyakit dan vektor serta menjaga kebersihan persekitaran," katanya pada satu sidang media di sini, semalam.

Dr Subramaniam berkata, mereka turut diminta memantau tapak pembinaan terbengkalai dan meningkatkan prestasi pengurusan kawasan tanah lapang, penyelenggaraan kebersihan pangsapuri serta rumah kos rendah.

Beliau menegaskan, hanya melalui pelaksanaan kegiatan pencegahan dan kawalan denggi secara bersepadu sahaja, penularan wabak itu boleh dikawal dengan baik, seterusnya dapat mengurangkan morbiditi dan mortaliti akibat denggi di Selangor.

**AKHBAR : BERITA HARIAN**
**MUKA SURAT : 19 (sambungan)**
**RUANGAN : NASIONAL**

INFO

## Maklumat denggi harian - 10 Disember 2014

| Negeri | Jumlah kes harian | Jumlah kes terkumpul |
|---|---|---|
| Johor | 19 | 5,764 |
| Kedah | 2 | 943 |
| Kelantan | 13 | 14,298 |
| Melaka | 7 | 2,567 |
| Negeri Sembilan | 12 | 3,534 |
| Pahang | 24 | 1,913 |
| Perak | 34 | 6,036 |
| Perlis | 0 | 278 |
| Pulau Pinang | 34 | 2,589 |
| Sabah | 12 | 1,304 |
| Sarawak | 11 | 2,201 |
| Selangor | 196 | 48,455 |
| Terengganu | 10 | 1,540 |
| WP Kuala Lumpur | 18 | 6,401 |
| WP Labuan | 0 | 1a1 |
| WP Putrajaya | 0 | 297 |
| Jumlah kes: 292 | | Jumlah lokaliti wabak: 98,131 |

*Berdasarkan laman web iDengue

**AKHBAR : BERITA HARIAN**
**MUKA SURAT : 4**
**RUANGAN : NASIONAL**

# Tiga beradik positif hidap kencing tikus

**Alor Setar:** Tiga adik-beradik perempuan, termasuk seorang yang maut selepas berkelah di Pusat Rekreasi Titi Hayun, Yan, pada 20 November lalu, disahkan menghidap kencing tikus oleh Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) Kuala Lumpur, kelmarin.

Sehubungan itu, Jabatan Kesihatan Negeri Kedah semalam mengarahkan supaya Chalet Salak Denai tempat kanak-kanak berkenaan dan keluarganya berkelah, ditutup serta-merta untuk tindakan lanjut mengikut Seksyen 18(1) Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988.

Pengarahnya, Datuk Dr Norhizan Ismail berkata, selepas kejadian yang meragut nyawa seorang budak perempuan itu, sampel darah mangsa dan dua adiknya dihantar ke makmal IMR Kuala Lumpur, untuk pengesahan dan keputusan ujian makmal yang diterima kelmarin, mengesahkan mereka dijangkiti penyakit kencing tikus (leptospirosis).

**Lawat chalet**

Katanya, berikutan itu pihaknya mengetuai pemeriksaan lanjut bersama pasukan kawalan penyakit dan jurutera jabatan kesihatan, Pegawai Daerah Yan dan Pegawai Lembaga Sumber Air Kedah (LSAK) untuk memastikan tindakan yang perlu diambil terhadap chalet berkenaan semalam.

"Hasil pemeriksaan bersama pengusaha chalet berkenaan mendapati lapan chalet yang setiap satunya menyediakan kolam dengan lima daripadanya menggunakan air yang disalur terus dari Sungai Yan Besar, manakala tiga lagi menggunakan air yang disalur dari sumber bekalan air masyarakat Kampung Sungai Raga berdekatan.

"Bagaimanapun, kes yang disahkan leptospirosis itu didapati di dalam kolam chalet yang mendapat sumber air terus daripada Sungai Yan Besar.

"Hasil perbincangan bersama pengusaha chalet Salak Denai, kita mengambil keputusan menutupnya serta-merta.

"Dalam tempoh itu, pihak kejuruteraan kita bersama LSAK akan membantu pengusaha chalet itu untuk mengkaji semula pengurusan lima kolam berkenaan dari aspek pengurusan.

"Ia bertujuan mengurangkan risiko jangkitan leptospirosis dengan memastikan air bagi setiap kolam berkenaan menjalani proses pengklorinan," katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Dr Norhizan berkata, chalet berkenaan akan hanya dibuka sekiranya pengusaha mematuhi cadangan sistem pengklorinan yang dipersetujui.

**Dua mangsa kian pulih**

Sementara itu, beliau berkata, keadaan dua beradik yang masih mendapat rawatan Pakar Kanak-Kanak Hospital Sultanah Bahiyah (HSB) menunjukkan perkembangan positif dan semakin pulih.

*BH* sebelum ini melaporkan, seorang kanak-kanak perempuan berusia lapan tahun maut disyaki terkena jangkitan kencing tikus.

Amirah Maisarah Zir Omar Khan meninggal dunia di HSB di sini, Jumaat lalu, selepas dimasukkan ke hospital sejak hari Rabu kerana demam panas.

**AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA**
**MUKA SURAT : 30**
**RUANGAN : DALAM NEGERI**

# Chalet Salak Denai diarah tutup

**ALOR SETAR 10 Dis.** - Jabatan Kesihatan negeri mengarahkan Chalet Salak Denai, Titi Hayun yang menjadi lokasi perkelahan tiga beradik disyaki dijangkiti kencing tikus (leptospirosis) baru-baru ini, ditutup sehingga satu tarikh yang belum ditentukan.

Pengarahnya, Datuk Dr. Norhizan Ismail berkata, keputusan itu diambil menerusi perbincangannya bersama beberapa agensi lain dan pengusaha calet tersebut setelah pemeriksaan dilakukan di kawasan itu pagi ini.

"Hasil pemeriksaan mendapati, terdapat lima chalet di situ dan setiap satunya mempunyai kolam mandi sendiri. Tiga daripadanya menerima sumber bekalan air masyarakat Kampung Sungai Raga, manakala dua lagi disalurkan terus dari Sungai Yan Besar.

"Difahamkan ketiga-tiga beradik itu mandi di kolam yang menerima saluran air dari Sungai Yan Besar. Setelah perbincangan dijalankan, kami mengambil keputusan menutup kesemua chalet itu sehingga jabatan ini mendapati pihak pengurusannya mengambil tindakan sebagaimana dicadangkan," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Penutupan itu dibuat menerusi Pejabat Kesihatan Daerah Yan mengikut Seksyen 18 (1), Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1998.

Tindakan itu diambil susulan kematian Amirah Maisarah Zir Omar Khan, 8, pada 5 November lalu, disyaki akibat dijangkiti penyakit tersebut selepas kira-kira 15 hari berkelah di situ.

Selain Amirah Maisarah, ujian darah dijalankan ke atas Zaharah Alisa, 2, turut positif manakala kakaknya, Nur Syazana, 5, dilabelkan sebagai 'inconclusive'.

Norhizan menambah, pihak kejuruteraan jabatan itu akan bekerjasama dengan Lembaga Sumber Air negeri bagi membantu pengusaha chalet berkenaan untuk mengkaji semula pengurusan kelima-lima kolam tersebut terutamanya dari aspek pengurusan risiko penyakit.

"Langkah yang akan diambil adalah dengan memastikan kesemua kolam itu menjalani proses pengklorinan. Chalet berkenaan hanya akan dibuka kembali sekiranya pengusaha mematuhi cadangan sistem pengklorinan yang dipersetujui," ujarnya.

Mengulas keadaan semasa Zaharah dan Nur Syazana, beliau memberitahu, kedua-duanya masih menerima rawatan pakar kanak-kanak di Hospital Sultanah Bahiyah (HSB) dengan masing-masing menunjukkan perkembangan positif dan kian pulih.

"Ibu mereka, Siti Zaleha Ramlam (32 tahun) dan bapa, Zir Omar Khan Mohamad (35) juga diberi rawatan oleh pakar di hospital sama kerana demam. Mereka dilaporkan stabil dan tidak perlu dimasukkan ke wad, namun diberi rawatan antibiotik ekoran ujian awal makmal menunjukkan kemungkinan mereka dijangkiti leptospirosis," katanya.

**AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA**
**MUKA SURAT : 28**
**RUANGAN : DALAM NEGERI**

# Jauhi rumpai miang Mexico

**ALOR SETAR 10 Dis.** – Orang ramai dinasihatkan supaya mengelak daripada terdedah atau tersentuh dengan sejenis tumbuhan liar yang dikenali sebagai rumpai miang Mexico.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, rumpai berkenaan boleh memberi kesan yang teruk kepada ekosistem semula jadi, sektor pertanian dan ternakan serta menyebabkan alahan kepada manusia.

Beliau berkata, rumpai tersebut menyebabkan ruam kulit, kulit mengelupas, gatal-gatal pada kulit, mata bengkak selain gangguan pada sistem pernafasan seperti selesema dan asma.

"Sehubungan itu, mereka yang mengalami gejala alahan atau masalah pernafasan akibat terdedah dengan rumpai ini diminta mendapatkan rawatan dengan segera di fasiliti kesihatan berhampiran.

"Maklumkan kepada pengamal perubatan yang merawat berkaitan sejarah pendedahan terhadap rumpai tersebut," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Beliau mengulas tentang laporan sebuah akhbar bahasa Inggeris semalam tentang kejadian alahan pada kulit dan gejala gangguan pada sistem pernafasan dalam kalangan pekerja ladang kelapa sawit di Sidam, Kulim.

Kata Noor Hisham, pihaknya tidak menolak kemungkinan kejadian tersebut berpunca daripada alahan akibat tersentuh rumpai tersebut atau nama saintifiknya, parthenium hysterophorus.

Katanya, pihak kementerian akan memantau situasi tersebut dan meminta agar agensi yang berkaitan mengambil tindakan sewajarnya bagi mengawal atau memusnahkannya.

"Rumpai miang Mexico adalah sejenis tumbuhan liar yang berasal dari beberapa negara di Amerika Selatan dan utara sebelum tersebar ke Asia, Afrika dan Australia.

"Bahan kimia yang terdapat pada rumpai miang Mexico iaitu pada debunga, bahagian akar, daun dan batang boleh memberi kesan ke atas kesihatan manusia," katanya.

Tambah beliau, golongan yang berisiko adalah mereka yang terdedah secara langsung dengan rumpai itu terutamanya kanak-kanak dan orang tua.

**Mereka yang mengalami gejala alahan atau masalah pernafasan akibat terdedah dengan rumpai ini diminta mendapatkan rawatan dengan segera di fasiliti kesihatan berhampiran."**

**DR. NOOR HISHAM ABDULLAH**
**Ketua Pengarah Kesihatan**

**AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA**
**MUKA SURAT : 28**
**RUANGAN : DALAM NEGERI**

Bahaya, memudaratkan kesihatan jika tersentuh

# Rumpai miang Mexico

**Oleh OPAT RATTANACHOT**
uspetani@utusan.com.my

■ **SUNGAI PETANI 10 DIS.**

PARA penduduk di bandar ini tidak menyedari bahawa rumpai miang Mexico yang tumbuh di pekarangan rumah mereka sebenarnya mendatangkan bahaya seperti didedahkan Kementerian Kesihatan.

Malah, menurut mereka, tumbuhan tersebut juga boleh didapati di merata-rata tempat dan mempunyai bentuk seakan-akan ulam raja yang sering dijadikan hidangan.

Seorang penduduk, **Syamil Nordin**, 21, dari Taman Cahaya Baiduri, Sungai Pasir di sini berkata, dia tidak menyangka rumpai tersebut boleh memudaratkan kesihatan jika tersentuh.

"Saya biasa nampak malah pegang tetapi tak ada kesan apa-apa. Namun, selepas mendapat tahu kementerian mengeluarkan amaran, saya kena berhati-hati," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia*, di sini hari ini.

Rumpai miang Mexico merupakan sejenis tumbuhan liar berasal dari beberapa negara di Amerika Selatan dan Utara sebelum tersebar ke Asia dan dikatakan berbahaya kerana boleh memberi kesan teruk kepada ekosistem semula jadi, sektor pertanian dan ternakan selain kesihatan manusia.

Syamil berkata, rumpai tersebut dikesan tumbuh secara liar di pekarangan rumah, taman permainan dan berdekatan sawah padi.

"Saya biasa nampak malah tengok rumpai ini sejak kecil lagi. Tinggi pokok ini adalah sekitar 1.5 hingga 2 meter dan mempunyai bunga," katanya.

Seorang suri rumah, **Siti Zubaidah Rashid**, 32, pula berkata, dia tidak pernah mendengar kes orang ramai terjejas akibat tersentuh atau terdedah dengan rumpai tersebut sebelum ini.

"Walaupun ada sikit-sikit gatal apabila tersentuh, namun ia tidaklah ketara. Mungkin ia tidak menimbulkan kesan kepada semua orang," katanya.

Bagaimanapun, katanya, dia mengalu-alukan usaha pihak berkuasa bertindak menghapuskan rumpai tersebut kerana dikhuatiri menimbulkan masalah kesihatan kepada orang ramai.

Seorang peniaga, **Choo Tai Jong**, 45, berpendapat, pihak berkuasa perlu memberikan penerangan secara terperinci berhubung bahaya rumpai berkenaan.

"Saya nampak rumput ini ada di mana-mana. Kalau betul bahaya, saya berharap pihak berkuasa kesihatan ambil tindakan segera termasuk menghapuskannya," katanya.

**SYAMIL NORDIN melihat rumpai miang Mexico yang boleh memudaratkan kesihatan jika tersentuh di Taman Cahaya Baiduri, Sungai Pasir, Sungai Petani, Kedah, semalam. (Gambar kecil: Rumpai miang Mexico yang seakan-akan ulam raja).**

**AKHBAR : HARIAN METRO**
**MUKA SURAT : 12**
**RUANGAN : SETEMPAT**

### SUSULAN KES KENCING TIKUS DI YAN

# Tutup chalet untuk pembersihan, siasat

**Alor Setar:** Jabatan Kesihatan Kedah menutup serta-merta sebuah chalet di Yan, dekat sini, untuk siasatan sekali gus membolehkan pengurusan premis itu mengambil tindakan termasuk melakukan pembersihan berikutan kes kematian seorang kanak-kanak perempuan berusia lapan tahun kerana dijangkiti Leptospirosis atau kencing tikus.

Pengarahnya Datuk Dr Norhizan Ismail berkata, penutupan itu dilakukan mengikut Seksyen 18(1) Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan akan dibuka semula jika pengurusan chalet berkenaan mematuhi arahan ditetapkan.

Menurutnya, hasil pemeriksaan yang dilakukan semalam mendapati lima chalet itu mempunyai kolam mandi dengan dua daripadanya menerima air yang disalurkan dari Sungai Yan Besar, manakala tiga kolam lagi menerima punca air daripada kolam masyarakat Kampung Sungai Raga.

"Hasil siasatan mendapati tiga beradik termasuk mangsa yang disahkan mengalami leptospirosis itu mandi di dalam kolam chalet yang disalurkan dari Sungai Yan Besar," katanya dalam satu kenyataan, di sini, semalam.

Terdahulu, Dr Norhizan mengetuai lawatan bersama pasukan kawalan penyakit dan jurutera jabatan itu, Pegawai Kesihatan Daerah Yan, Pegawai Daerah Yan dan Pegawai Lembaga Sumber Air Negeri ke kawasan terbabit untuk melakukan pemeriksaan.

Menurutnya, Bahagian Kejuruteraan Jabatan Kesihatan Kedah dan Lembaga Sumber Air Negeri akan membantu pengusaha chalet berkenaan untuk mengkaji semula pengurusan kelima-lima kolam berkenaan bagi mengurangkan risiko jangkitan leptospirosis dengan menjalani proses pengklorinan.

Katanya, chalet berkenaan hanya akan dibuka sekiranya pengusaha mematuhi cadangan sistem pengklorinan yang dipersetujui.

Sementara itu, Dr Norhizan berkata, hasil ujian makmal Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) Kuala Lumpur ke atas sampel darah ketiga-tiga beradik itu termasuk mangsa yang diterima kelmarin mengesahkan mereka dijangkiti penyakit leptospirosis.

Menurutnya, setakat ini keadaan dua beradik yang masih mendapat rawatan di Hospital Sultanah Bahiyah (HSB), di sini, menunjukkan perkembangan positif dan semakin pulih.

"Ibu bapa mereka hanya mendapat rawatan sebagai pesakit luar di HSB kerana mengalami demam dan dilaporkan berada dalam keadaan stabil.

"Rawatan antibiotik turut diberikan kepada ibu bapa mereka berdasarkan ujian awal makmal menunjukkan kemungkinan dijangkiti leptospirosis, dan sampel darah mereka sudah dihantar ke IMR untuk pengesahan," katanya.

Harian Metro sebelum ini melaporkan kanak-kanak perempuan itu meninggal dunia pada 5 Disember akibat menghidap penyakit kencing tikus selepas didakwa mengunjungi sebuah chalet di Yan pada 20 November lalu.

Dua adiknya berusia dua dan lima tahun turut dimasukkan ke wad kanak-kanak di hospital sama pada 6 Disember lalu selepas menunjukkan terdapat simpton menghidap leptospirosis pada mereka.

**AKHBAR : HARIAN METRO**
**MUKA SURAT : 21**
**RUANGAN : SETEMPAT**

DR Subramaniam

# Separuh kes denggi di Selangor

**Putrajaya:** Selangor terus mendahului statistik kes demam denggi apabila mencatatkan 48,000 kes atau 50 peratus daripada keseluruhan 98,383 kes dilaporkan di negara ini bermula Januari hingga kelmarin.

Menteri Kesihatan Datuk Dr S Subramaniam berkata, kementeriannya sudah mengadakan satu perbincangan dengan kerajaan Selangor kelmarin bagi membincangkan usaha meningkatkan kerjasama dalam bidang kawalan denggi di negeri itu.

Beliau berkata, pihaknya meminta kerajaan negeri meningkatkan usaha khususnya di peringkat pihak berkuasa tempatan (PBT) membabitkan beberapa bidang utama seperti pengurusan sisa pepejal dan penjagaan kebersihan serta persekitaran.

"Mesyuarat sama turut membincangkan mengenai langkah memperkukuhkan unit kawalan penyakit vektor bersama PBT di Selangor.

"Selain itu, kami turut menambah jumlah pegawai tenaga kerja bagi memerangi denggi di negeri itu serta melakukan pemantauan di tapak pembinaan yang sedang beroperasi," katanya pada sidang media di sini semalam.

**AKHBAR : HARIAN METRO**
**MUKA SURAT : 30**
**RUANGAN : SETEMPAT**

RUMPAI MIANG MEXICO

# Tiada laporan pesakit meningkat

FOTO: AHMAD ISMAIL

*TUMBUHAN rumpai Mexico yang ditemui di sekitar Jalan Hasan, Segamat.*

*SEORANG penduduk melihat papan tanda mengenai tumbuhan miang Mexico di halaman kediamannya di Jalan Kuari, Segamat.*

**Oleh Siti A'isyah Sukaimi**
sitiaisyah@hmetro.com.my
**Putrajaya**

Kementerian Kesihatan mengesahkan tiada peningkatan trend pesakit di hospital dan klinik kerajaan yang berdepan gejala alahan kulit dan pernafasan asma akibat rumpai miang Mexico terutama di Perak, Kedah, Negeri Sembilan dan Selangor.

Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, pihaknya sedang memantau situasi menimpa pesakit yang dikesan terdedah dengan rumpai berkenaan di seluruh negara.

*DR Noor Hisham*

Beliau berkata, pihaknya juga menasihatkan orang ramai yang terdedah dengan rumpai itu supaya segera mendapatkan rawatan di klinik kesihatan berhampiran termasuk memberi pendedahan kepada pengamal perubatan tempatan mengenai sejarah rumpai berkenaan.

"Kami sedang memantau situasi ini dan ingin menasihatkan orang awam supaya mengawal atau memusnahkan rumpai atau tumbuhan berkenaan kerana ia boleh mengakibatkan kesan kesihatan yang serius," katanya dalam kenyataan dikeluarkan di sini semalam.

Katanya, rumpai berkenaan adalah sejenis tumbuhan liar berasal dari beberapa negara di Amerika Selatan dan Utara sebelum tersebar ke Asia, Afrika dan Australia.

Noor Hisham berkata, rumpai ini dikatakan berbahaya kerana boleh memberi kesan yang teruk kepada ekosistem semula jadi, sektor pertanian dan ternakan serta menyebabkan alahan kepada manusia.

"Bahan kimia yang terdapat pada rumpai miang Mexico (debunga, bahagian akar, daun dan batang) iaitu parthenin, hymenin dan ambrosin dikenal pasti boleh memberi kesan ke atas kesihatan manusia," katanya.

## Penduduk tak perlu panik

**Segamat:** Penduduk tidak perlu panik dengan penemuan rumpai Mexico di sekitar daerah ini, baru-baru ini.

Penolong Pengarah Bahagian Biosekuriti Tumbuhan Jabatan Pertanian negeri Zaiti Akmal Dahlan berkata, rumpai Mexico atau dikenali dengan nama saintifik Parthenium Hysterophorus berasal dari Mexico diwartakan di bawah Akta Kurantin Tumbuhan 1976.

*ZAITI*

Katanya, daerah Segamat dikenal pasti yang pertama menerima laporan di Johor berhubung penemuan tumbuhan rumpai itu oleh orang awam pada 30 November lalu di Jalan Susur Pemuda.

"Tumbuhan itu boleh menyebabkan kulit mengelupas, gatal hidung, mulut dan ruam jika terkena manusia dan paling buruk boleh menyebabkan penyakit asma.

"Kita menasihatkan orang ramai di daerah ini yang menemui tumbuhan itu supaya menjauhinya dan menghubungi bilik gerakan yang dibuka di talian 07-9316793 untuk tindakan seterusnya. Kita sudah menubuhkan bilik gerakan bagi memantau perkembangan itu di Air Hitam di Muar dan Johor Bahru selain di daerah Segamat sejak beberapa hari lalu," katanya ketika dihubungi, semalam.

Menurutnya, pihaknya juga masih mengkaji mekanisme yang sesuai untuk menghapuskan rumpai itu.

"Kami juga sudah mengadakan taklimat kepada 60 kakitangan termasuk pegawai pertanian daerah di seluruh negeri Johor mengenai langkah pengawalan tumbuhan itu," katanya.

**AKHBAR : HARIAN METRO**
**MUKA SURAT : 6**
**RUANGAN : SETEMPAT**

# Kanak-kanak mendapat cukup nutrisi lebih cerdas

**Kuala Lumpur:** Kajian ke atas kanak-kanak di empat negara Asia Tenggara menunjukkan darjah kecerdasan otak (IQ) golongan itu banyak dipengaruhi oleh tahap pengambilan nutrisi.

Kajian Southeast Asian Nutrition Surveys (SEANUTS) mengenai tahap pemakanan kanak-kanak di Malaysia, Indonesia, Thailand dan Vietnam menunjukkan nutrisi yang tidak mencukupi akan menyebabkan prestasi kognitif kanak-kanak rendah.

Dr Alvin Ng Lai Oon dari Jabatan Psikologi Universiti Sunway berkata, kanak-kanak yang tidak mendapat nutrien secukupnya kemungkinan besar tidak mampu belajar secara aktif.

"Mereka juga mempunyai kebarangkalian lebih tinggi untuk mendapat skor bawah daripada purata IQ," kata Dr Lai Oon dalam previu bengkel 'Tahap Kebijaksanaan-Kebaikan Nutrisi untuk Perkembangan Bijak Si Manja' yang akan diadakan pada Januari 2015.

> "Mereka mempunyai kebarangkalian lebih tinggi untuk mendapat skor bawah daripada purata IQ"
>
> *Dr Alvin Ng Lai Oon*

Dr Lai Oon yang juga Penyelidik Perkembangan Kognitif untuk kajian Seanuts berkata, hasil kajian di Malaysia menunjukkan ramai kanak-kanak negara ini mengalami kekurangan nutrisi.

"Ia boleh menyebabkan tubuh kurus, kurang berat badan dan ketinggian terbantut. Mereka yang mengalami masalah nutrisi berlebihan mengakibatkan berat badan berlebihan, obes dan terlalu obes," katanya.

Di antara keempat-empat negara berkenaan, Malaysia bernasib baik kerana berada di tahap terendah untuk kategori kurus, kurang berat badan dan ketinggian terbantut.

Malaysia kini mencatatkan jumlah orang obes paling tinggi di Asia Tenggara.

Kajian ke atas kanak-kanak berusia 6-12 tahun di negara berkenaan menunjukkan pengambilan nutrisi mempengaruhi keupayaan kanak-kanak berfikir, memberi pendapat, memahami, mengingati perkara yang berlaku di persekitaran masing-masing.

Dalam erti kata lain, kanak-kanak belajar dan memperoleh kepintaran dan kecerdikan semasa mental mereka sedang berkembang.

Jelas Dr Lai Oon, khasiat yang betul membantu membina otak, rangsangan daripada ibu bapa dan penjaga membantu memperkembangkan sifat ingin tahu, mahu meneroka, kreativiti dan pembelajaran. - BERNAMA

**AKHBAR : KOSMO !**
**MUKA SURAT : 14**
**RUANGAN : NEGARA !**

# Wabak denggi catat 190 kematian tahun ini

**PUTRAJAYA** – Sebanyak 98,383 kes demam denggi dengan 190 kematian dilaporkan dari Januari sehingga Isnin lalu dengan kenaikan sebanyak 160 peratus sekali gus menjadikan jumlah itu adalah yang tertinggi berbanding 37,698 kes tahun lepas dan tahun-tahun sebelumnya.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri S. Subramaniam (**gambar**) berkata, daripada jumlah tersebut, Selangor terus mencatatkan rekod tertinggi berbanding negeri lain iaitu sebanyak 48,691 kes atau 50 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

Katanya, bagi tempoh yang sama tahun lalu, sebanyak 20,209 kes dilaporkan di Selangor dan jumlah itu menunjukkan penambahan sebanyak 28,482 kes demam denggi atau 170 peratus sepanjang tempoh berkenaan.

"Selangor juga mencatatkan jumlah kematian tertinggi iaitu 71 kes atau 37 peratus daripada jumlah keseluruhan kematian sebanyak 189 kes.

"Negeri itu juga menyumbang sebanyak 118 atau 97 peratus lokasi panas daripada 122 lokasi di seluruh negara," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Subramaniam berkata, kementeriannya telah mengadakan perbincangan dengan kerajaan negeri Selangor untuk meningkatkan kerjasama bagi mengawal wabak denggi di negeri itu.

**AKHBAR : KOSMO !**
**MUKA SURAT : 14**
**RUANGAN : NEGARA !**

Tumbuhan liar dari Amerika Selatan sebabkan alahan, ganggu sistem pernafasan

# Elak tersentuh rumpai miang Mexico

**KUALA LUMPUR** – Orang ramai dinasihatkan agar mengelakkan diri daripada terdedah atau tersentuh 'rumpai miang Mexico' atau istilah saintifiknya *parthenium hysterophorus* kerana ia boleh menyebabkan alahan terutamanya terhadap kanak-kanak dan orang tua.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah **(gambar)** berkata, rumpai miang Mexico mempunyai bahan kimia pada debunga, bahagian akar, daun dan batangnya yang dikenal pasti boleh memberi kesan terhadap kesihatan manusia.

"Namun tidak semua mereka yang terdedah kepada rumpai itu mengalami alahan. Sesetengah orang mengalami gejala (alahan) apabila pendedahan berterusan dan berulang kali.

"Gejala tindak balas alahan adalah seperti ruam kulit, kulit menggelupas, gatal pada kulit, mata bengkak, alahan rinitis serta gangguan kepada sistem pernafasan seperti selesema dan asma," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

**INILAH gambar rumpai miang Mexico yang boleh mendatangkan bahaya kepada kesihatan manusia dan haiwan.**

Beliau mengulas laporan sebuah akhbar tempatan kelmarin mengenai kejadian alahan pada kulit dan gejala gangguan pada sistem pernafasan dalam kalangan pekerja ladang kelapa sawit di Sidam, Kedah dipercayai berkaitan dengan rumpai miang Mexico.

Rumpai miang Mexico merupakan sejenis tumbuhan liar berasal dari beberapa negara di Amerika Selatan dan Amerika Utara sebelum tersebar ke Asia. Ia dikatakan berbahaya kerana boleh memberi kesan teruk kepada ekosistem semula jadi, sektor pertanian dan ternakan selain kesihatan manusia.

Noor Hisham memberitahu, setakat ini, tiada peningkatan trend pesakit dengan gejala alahan kulit dan pernafasan seperti asma dilaporkan daripada fasiliti kesihatan di negeri terlibat seperti Perak, Kedah, Negeri Sembilan dan Selangor.

Beliau menasihatkan, mereka yang mengalami gejala alahan atau masalah pernafasan akibat terdedah kepada rumpai itu agar segera mendapatkan rawatan di klinik kesihatan berhampiran.

"Mereka juga diminta memaklumkan kepada pengamal perubatan mengenai pendedahan terhadap rumpai itu kerana kementerian akan meminta agensi berkaitan mengambil tindakan bagi mengawal atau memusnahkan tumbuhan itu," katanya. – Bernama

## INFO Rumpai miang Mexico

- Rumpai miang Mexico atau nama sainstifiknya *parthenium hysterophorus* daripada keluarga *asteraceae* merupakan sejenis rumpai liar berasal dari Mexico, Amerika Tengah dan Amerika Selatan.
- Rumpai yang dikenali sebagai *Carrot Weed* boleh tumbuh di pelbagai jenis dan keadaan tanah termasuk tanah kurang subur.
- Ia kelihatan seperti pokok ulam raja dan panjang daunnya 30 sentimeter dengan bilangan daun yang boleh mencapai 55 helai setiap satu pokok.
- Bunga rumpai ini berwarna putih susu (krim) dengan ukuran diameter 4-6 milimeter dan pada batang rumpai ini terdapat bulu-bulu halus (trikomes) serta bercabang.
- Biji benih rumpai ini berwarna perang kehitaman berbentuk seperti baji dan boleh mencapai 100,000 biji benih perpokok dalam satu kitaran hidup lengkap iaitu 3-4 bulan.
- Rumpai ini merebak melalui angin, air yang mengalir, makanan haiwan ternakan, haiwan ternakan yang diimport, pergerakan haiwan ternakan, manusia dan pergerakan jentera, serta alatan pertanian.
- Rumpai berbahaya kerana memberi kesan kepada ekosistem semula jadi, menyebabkan alahan kepada manusia dan haiwan.
- Kehadiran rumpai ini mula dikesan pada bulan September 2014 oleh Jabatan Pertanian di kawasan Hulu Yam Baru, Selangor. Selepas bancian dijalankan dengan sistematik, tumbuhan ini turut didapati Perak, Kedah dan Negeri Sembilan.
- Dilabelkan sebagai rumpai paling teruk abad ini kerana mengurangkan hasil pertanian serta ternakan bagi sesebuah negara di samping menimbulkan masalah kesihatan yang kronik pada manusia.

**Sebarang maklumat atau aduan bolehlah terus menghubungi Pejabat Pertanian berhampiran atau Bahagian Biosekuriti Tumbuhan Jabatan Pertanian Kuala Lumpur di talian 03-2030 1400 atau layari Facebook Biosekuriti Tumbuhan.**

**AKHBAR : SINAR HARIAN**
**MUKA SURAT : 10**
**RUANGAN : NASIONAL**

# 190 kematian akibat denggi setakat ini

**PUTRAJAYA** - Sebanyak 98,383 kes denggi dan 190 kematian dilaporkan di seluruh negara dalam tempoh Januari hingga 7 Disember tahun ini, menjadikannya jumlah tertinggi pernah dicatatkan berbanding tahun-tahun sebelumnya.

Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr S.Subramaniam berkata, Selangor mencatatkan jumlah kes tertinggi berbanding negeri lain iaitu kira-kira 48,691 kes atau hampir 50 peratus daripada jumlah keseluruhan.

"Selangor juga mencatatkan jumlah kematian tertinggi iaitu 71 kes atau 37 peratus daripada jumlah keseluruhan kes di negeri itu," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Beliau berkata, Kementerian Kesihatan telah mengadakan perbincangan dengan Kerajaan Selangor yang diketuai Menteri Besar Mohamed Azmin Ali, kelmarin bagi membolehkan peningkatan kerjasama kawalan denggi antara kedua-dua pihak.

"Antara cadangan yang dikemukakan kementerian pada perbincangan itu ialah meminta kerajaan negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) menitikberatkan mengenai pengurusan sisa pepejal, menjaga kebersihan persekitaran terutamanya di tapak pembinaan dan kawasan lapang," katanya.

- Bernama

**"Selangor juga mencatatkan jumlah kematian tertinggi iaitu 71 kes atau 37 peratus daripada jumlah keseluruhan kes di negeri itu."**
- Subramaniam

**AKHBAR : SINAR HARIAN**
**MUKA SURAT : 14**
**RUANGAN : NASIONAL**

# Elak sentuh rumpai miang Mexico

**KUALALUMPUR** - Orang awam dinasihatkan mengelak daripada terdedah atau tersentuh 'rumpai miang Mexico' atau 'Parthenium Hysterophorus' kerana boleh menyebabkan alahan, terutamanya kepada kanak-kanak dan orang tua.

NOOR HISHAM

Ketua Pengarah Kementerian Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, rumpai miang Mexico mempunyai bahan kimia pada debunga, bahagian akar, daun dan batang iaitu parthenin, hymenin dan ambrosin yang dikenal pasti boleh memberi kesan ke atas kesihatan manusia.

"Namun tidak semua yang terdedah mengalami reaksi alahan atau alergi. Sesetengah orang mengalami gejala (alahan) apabila pendedahan berterusan dan berulang kali.

"Gejala alahan adalah seperti ruam, kulit mengelupas, gatal-gatal pada kulit, mata bengkak, rinitis alergi serta gangguan kepada sistem pernafasan seperti selesema dan asma," katanya, semalam.

Dr Noor Hisham mengulas laporan sebuah akhbar tempatan kelmarin, mengenai kejadian alahan kulit dan gejala gangguan pada sistem pernafasan dalam kalangan pekerja ladang kelapa sawit di Sidam, Kedah dipercayai berkaitan rumpai miang Mexico.

Rumpai miang Mexico merupakan sejenis tumbuhan liar berasal dari beberapa negara di Amerika Selatan dan Utara sebelum tersebar ke Asia dan dikatakan berbahaya kerana boleh memberi kesan teruk kepada ekosistem semula jadi, pertanian dan ternakan selain kesihatan manusia.

Bagaimanapun, Dr Noor Hisham memberitahu setakat ini, masih tiada peningkatan trend pesakit gejala alahan kulit dan pernafasan seperti asma dilaporkan daripada fasiliti kesihatan di negeri terlibat seperti Perak, Kedah, Negeri Sembilan dan Selangor.

Individu yang mengalami alahan atau masalah pernafasan akibat terdedah kepada rumpai itu disaran segera mendapatkan rawatan di klinik kesihatan berhampiran. - Bernama

## INFO

- Rumpai Miang Mexico atau nama saintifiknya Parthenium Hysterophorus dari famili Asteraceae merupakan sejenis rumpai liar yang berasal dari negara Mexico, Amerika Tengah dan Amerika Selatan. Rumpai ini juga dikenali sebagai Carrot Weed.
- Rumpai ini boleh tumbuh di pelbagai jenis dan keadaan tanah termasuklah tanah kurang subur. Ia kelihatan seperti ulam raja dan panjang daun 30 sentimeter dengan bilangan daun yang boleh mencapai 55 helai.
- Rumpai ini merebak melalui angin, air yang mengalir, makanan haiwan ternakan, haiwan ternakan yang diimport, pergerakan haiwan ternakan, manusia dan pergerakan jentera serta alatan pertanian.
- Rumpai ini dikatakan sebagai rumpai yang berbahaya kerana memberi kesan kepada ekosistem semulajadi, menyebabkan alahan kepada manusia dan haiwan yang boleh membawa kepada kematian.

*Sumber: http://pertaniangombakpetaling.blogspot.com*

**AKHBAR : SINAR HARIAN**
**MUKA SURAT : 47**
**RUANGAN : DIRGAHAYU TUANKU**

**"Selamat Hari Keputeraan kepada Sultan Selangor, semoga baginda dalam keadaan sihat dan sentiasa disenangi rakyat."**
- Siti Haslina Baharom (Pembantu pembedahan pergigian)

**AKHBAR : THE STAR**
**MUKA SURAT : 6**
**RUANGAN : NATION**

# Ministry: Take proper action to weed out harmful plants

**By TASHNY SUKUMARAN**
tashny@thestar.com.my

**PETALING JAYA:** The Health Ministry has appealed to the relevant authorities to weed out the allergy-triggering *Parthenium hysterophorus* weed as it poses a risk to human health.

"Appropriate action should be taken to control or eradicate weeds or plants that can adversely affect the health of the public. The people should refrain from getting into contact with the weed," Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah said in a statement.

Although there has been no increase in cases of rashes or respiratory-related issues such as asthma in the states affected by *P. hysterophorus*, the ministry cautioned those who had been exposed to the weed to seek treatment immediately.

"There is no trend of increasing patients with skin allergies or respiratory symptoms such as asthma reported from health facilities in the affected states like Perak, Selangor and Negri Sembilan.

"We advise those who suffer from allergies or respiratory symptoms from exposure to this weed to immediately seek treatment at health facilities and inform the treating medical practitioner of their history of exposure," he said.

The ministry said groups at risk of allergic reactions were those who were directly exposed to the weed, particularly children and the elderly.

"However, not all who are exposed suffer allergic reactions or allergies. Some people experience symptoms only after continuous and repeated exposure. Symptoms of allergic reactions include skin rashes or peeling, itchiness, puffy eyes, and allergic rhinitis and respiratory system disorders such as colds and asthma."

The ministry assured the public that it was closely monitoring the situation.

*The Star* had earlier reported that *P. hysterophorus*, also known as "the worst weed of the century", was mushrooming across various states in Malaysia.

Believed to have been spread by the import of animals from weed-infested nations, the Veterinary Department has been tasked to source animals from non-infested areas for importation.

All state agricultural agencies have been informed of *P. hysterophorus*, which does not only harm humans but also severely impacts agriculture, livestock and natural ecosystems.

**AKHBAR : THE STAR**
**MUKA SURAT : 15**
**RUANGAN : NATION**

# Probe complaints of housemen, training hospitals told

**PETALING JAYA:** The management of all training hospitals have been directed to investigate complaints from house officers (HOs) on alleged abuse from medical officers (MOs) in their work.

Health Director-General Datuk Seri Dr Noor Hisham Abdullah said the HOs can lodge a complaint with the housemanship training committees at all the 43 teaching hospitals or the state health departments.

"They must investigate to prove or substantiate the complaint," he told *The Star* yesterday.

Dr Noor Hisham was responding to a letter "Trauma faced by some housemen in hospitals" published by the newspaper on Monday.

The writer had urged the ministry to investigate cases of HOs being threatened and made to work up to 90 hours a week.

Dr Noor Hisham also wrote on his Facebook page that a flexible working system implemented in 2011 required HOs to work an average of 65 to 75 hours a week, and that they are entitled to a day off per week.

He reminded HOs that a doctor's responsibility was to provide safe and quality care and they must work to improve their competency.

For the two-year housemanship programme, a HO is required to be trained in six disciplines and be given alternative postings in four other fields for up to four months each.

Senior consultant psychiatrist Dr Mohd Nawan Hamzah asked the writer of the letter to define "bullying" because if a mistake was done, the MO would surely be angry.

Dr Azzad Hamzah said Dr Noor Hisham's statement did not answer the main issue of verbal abuses, bullying, threats, public humiliation and power abuses by superiors.

Selayang Hospital medical officer Dr Iona Khong said she had her share of being scolded and humiliated in the wards. But the experience has made her a better doctor.

Dr Teh Wee Min of Universiti Sains Malaysia Hospital disputed the thinking that verbal reprimands were tantamount to abuse.

"We are dealing with human lives here. Every single mistake you do is amplified multiple times," he said.

**AKHBAR : THE STAR**
**MUKA SURAT : 50**
**RUANGAN : VIEWS**

# We're blessed to be in a profession that helps

I AM a registrar (medical officer in training as a specialist) in one of the busiest hospitals in Malaysia.

I did my housemanship training here, went for my district posting, got into the specialist programme, and am now back in the same hospital where it all began.

Every once in a while, I come across a link sent to me via social media, regarding housemen, and their plight. Like how they are expected to work 75 hours; how medical officers and specialists are their bane; how they don't get enough time for lunch or tea; and how medical officers have nothing else to do but make their already miserable lives more miserable.

Allow me to share the other side of the story.

My job requires me to work from 8am to 5pm. That's a nine-hour job, with one hour for lunch. So that's 45 hours per week, give or take.

That said, my work starts at 7.30am. I need to know my cases, especially the overnight admissions, before the specialists arrive. Sometimes, they arrive at 7.15am because they have got operations and clinics to run.

We don't wait at the machine to punch out at 5pm sharp either. Sometimes, though not always, we have to stay back for hours because of certain cases.

Most of us do about six calls a month. Meaning, we punch in at 8am and punch out at 1pm the next day or 5pm the next day depending on the department's policy.

Weekends, 24-hour calls, you don't really hear us complaining, do you? Given the chance, I would rather spend the weekend with my family, rather than slog in the hospital for a mere RM220.

On average, the medical officer works 54 to 80 hours a week depending on the number of calls. And this varies from taking referals in the emergency department to doing life saving surgery at 3am.

So, the question arises, why do we do it?

To my junior doctors, we are blessed. We are in a blessed profession. We can alleviate pain, remove devastating tumours, make people walk again, we save lives.

We are blessed to be in a profession, where parents, children, sisters and brothers thank us for what we do. Be it a simple dislocated shoulder to a severe heart attack, we do what we can to help people.

When you look at consultants, they are where they are, not by whining. They are there because of the countless hours they put in, both with the books, as well as in the hospital.

There is no doubt, everyone wants more pay and less work, me included.

But dear housemen, take a good hard look at the person next to you. This is going to be the person who will eventually take care of you and your children.

If you have even a little bit of insight, you will know how to correct things, and at least be a better person, if not a better doctor.

**MED REG**
**Kuala Lumpur**

**AKHBAR : THE SUN**
**MUKA SURAT : 6**
**RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS**

# 27,000 STAFF TO CARE FOR ELDERLY

THE health ministry has trained about 27,000 civil servants as of June 2014 to attend to senior citizens in public hospitals and clinics. Deputy Health Minister Datuk Seri Dr Hilmi Yahaya said that of the total, almost 23,000 care givers were trained in the aspects of taking care of the elderly. "Over 360 assistant medical officers and nurses have gone through post-basic course in gerontology nursing," he said in a reply to Senator S. T. Chandra Mohan in the Dewan Negara yesterday.

**AKHBAR : THE SUN**
**MUKA SURAT : 6**
**RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS**

# Benzoyl peroxide not harmful, says Hilmi

**THE** use of benzoyl peroxide in food is not harmful as it is not carcinogenic, said Deputy Health Minister Datuk Seri Dr Hilmi Yahaya

He said a safety study conducted by an international evaluation body found that in the processing of food, almost all benzoyl peroxide will turn into benzoic acid, which is a type of permissible preservative in various types of food under the Food Regulations 1985.

"Permissible food additives, including benzoyl peroxide, have been studied and verified as safe for use in food in certain quantities by the Joint Food and Agriculture Organisation of the United Nations (FAO) and World Health Organisation (WHO), Expert Committee on Food Additives (JECFA)," he said.

He was replying to a question by Senator Datuk Muhammad Olian Abdullah who wanted to know the effects of using benzoyl peroxide on health and the monitoring methods for using the substance in wheat flour.

Hilmi said the permissible level of benzoyl peroxide in wheat flour is 60mg.

"Wheat flour has carotenoid pigment in its original form and it gives a yellowish colour to flour.

"Benzoyl peroxide is added to oxidise the natural carotenoid in flour to give it a white colour and regulation 42 (2) allows the use of benzoyl peroxide as a food additive," he said.

Hilmi said the ministry is prepared to study the use of benzoyl peroxide if latest scientific evidence from international bodies suggests that its use in wheat flour production is harmful. – Bernama

**AKHBAR : MALAY MAIL**
**MUKA SURAT : 14**
**RUANGAN : TOP STORIES**

# Residents unaware dengue cases still on the rise

**By Vanessa Ee-Lyn Gomes**
*vanessa@mmail.com.my*

**PETALING JAYA** — The rise in the number of dengue cases shows no signs of abating, with 98,128 cases reported from the beginning of the year up to last Saturday.

In the week from Nov 30 to Saturday, 2,435 cases were recorded — an increase of 144 cases compared with the previous week.

Residents in dengue hotspots were under the impression the outbreak was under control.

There were 122 hotspots reported nationwide, with areas such as SS2 South, Kampung Tunku and Damansara Jaya in Petaling Jaya among the most seriously affected.

SS2 South, which has had cases for a record 66 consecutive days, reported 138 cases in the week, an increase of one.

Kampung Tunku reported 72 new cases, an increase of three from the previous week, and Damansara Jaya reported 92 cases, an increase of five.

Residents in these areas said they had noticed a slowdown in dengue prevention activities since the middle of the year, when Health Ministry personnel were around to carry out checks.

An SS2 South resident, retiree Teng Kok Seng, 68, said he last witnessed fogging a month ago.

"Fogging was only done when there were cases reported and I knew two shop owners nearby had dengue not so long ago," he said.

Teng said he made sure he kept his house as clean as possible.

"Every morning, I sweep the dry leaves and dispose them properly," he said.

"I also make sure there is no stagnant water in and around the house."

However, the drain in front of his house is stagnant and filled with rubbish, which he is unable to clean himself.

"The local council had cleaned the drain before but they dumped the waste from the drain in front of my gate, which made matters worse," he said.

Another resident, Marie Yeo, 55, assumed the number of dengue cases had dropped.

"I didn't hear of any cases happening recently," she said.

Yeo said the last *gotong royong* against dengue was held more than six months ago.

"Health officers inspected our houses. Also, the last fogging was done some time ago, so there was no indication the number of cases had gone up," she said.

A Kampung Tunku resident, who only wished to be known as KC, said the last time fogging was carried out in his area was a few months ago.

"One of the residents claimed he requested the local council to carry out more fogging but was told it would only do so when a case was reported," he said.

KC said the residents' association organised anti-dengue activities previously.

"We had a *gotong royong* a few months ago, not by the local council," he said.

Another resident, John Thomas, 60, said the council had carried out checks three months ago.

"They made sure there were no breeding grounds and even provided us with Abate," he said.

Thomas had also assumed the number of cases had dropped.

"I've not heard of any new cases recently," he said.

**AKHBAR : MALAY MAIL**
**MUKA SURAT : 14 (sambungan)**
**RUANGAN : TOP STORIES**



**Thomas was under the impression there were fewer dengue cases. Left: Rubbish in the drain in front of Teng 's house in SS2 South. — Pictures by Hafiz Sohaimi**

**AKHBAR : MALAY MAIL**
**MUKA SURAT : 14 (sambungan)**
**RUANGAN : TOP STORIES**

**AKHBAR : HARIAN METRO**
**MUKA SURAT : 50**
**RUANGAN : SMS**

**UMUM**

**MINTA kepastian adakah betul kos pembedahan lutut untuk sebelah kaki mencecah RM7,000 di hospital kerajaan? •PESAKIT RISAU**

**AKHBAR : THE STAR**
**MUKA SURAT : 50**
**RUANGAN : VIEWS**

**> Expensive medicine**

The cost of medicine is going up without control. This has been highlighted many times by the media. What is the Health Ministry doing about this? – Subra